



# **Praktis Pengukuhan**

## **Unit 5**

1. Puan Lina memasukkan 800 g tepung ke dalam mangkuk. Dia menambah lagi  $1\frac{3}{4}$  daripada jisim tepung di dalam mangkuk itu untuk membuat biskut. Dia membancuh setiap 100 g tepung itu dengan 50 ml air. Hitung isi padu, dalam  $\ell$ , air yang digunakan untuk membancuh kesemua tepung itu.
2. Hisyam menggunakan 9  $\ell$  racun rumput untuk meracun rumput seluas 10 m<sup>2</sup> di kebun buah-buahannya. Luas keseluruhan kebun buah-buahannya ialah 360 m<sup>2</sup>. Berapa liter racun rumputkah yang diperlukan untuk meracun rumput di seluruh kawasan kebun itu?

3. Diberi pengiraan Indeks Jisim Badan (BMI) ialah jisim badan (kg) dibahagi dengan tinggi (m)  $\times$  tinggi (m). Kira jisim, dalam kg, Ranjit jika BMI Ranjit ialah 24.25 dan ketinggiannya ialah 120 cm.
4. Tinggi sebuah kolam ikan hiasan berbentuk kuboid ialah 64 cm. 240  $\ell$  air diperlukan untuk mengisi sehingga paras  $\frac{1}{4}$  daripada ketinggian kolam itu. Hitung isi padu, dalam  $\ell$ , air yang ada di dalam kolam itu jika paras air ialah  $\frac{3}{8}$  daripada ketinggian kolam itu.

5. David memandu sejauh 72 km selama 48 minit dengan kelajuan yang sama. Berapa jauhkah jarak pemanduan David jika dia memandu selama 1 jam 15 minit dengan kelajuan yang sama?
6. Sebuah van memerlukan 13 ℓ minyak petrol untuk bergerak sejauh 250 km. Berapa liter minyak petroakah yang diperlukan untuk perjalanan sejauh 750 km dengan kadar penggunaan petrol yang sama?

7. Puan Tania membeli 3 helai reben berwarna merah, kuning dan biru. Jumlah panjang reben-reben itu ialah 18 m dengan jumlah harga RM27. Panjang reben kuning ialah 2 kali panjang reben merah dan panjang reben biru ialah 3 kali panjang reben kuning. Harga reben itu adalah sama mengikut ukuran panjangnya. Hitung harga dan panjang, dalam m, reben berwarna kuning.

8. Jadual di bawah menunjukkan jisim dua orang murid, Adli dan Ben. Jisim Tina dan Meena tidak ditunjukkan.

| Murid | Adli    | Ben     | Tina | Meena |
|-------|---------|---------|------|-------|
| Jisim | 45.5 kg | 51.7 kg |      |       |

Jumlah jisim empat orang murid itu ialah 195.2 kg. Jisim Tina dan Meena adalah sama. Cari Indeks Jisim Badan (BMI) Meena jika tinggi Meena ialah 1.4 m.

9. Encik Goh menggunakan 500 g oren untuk membuat 750 mL jus oren segar. Jika dia mempunyai 5.4 kg oren, hitung isi padu, dalam L, jus oren segar yang dapat disediakan oleh Encik Goh.
10. Seorang petani ingin membawa 120 kg hasil pertaniannya untuk dijual di sebuah pasar tani di seberang sungai. Dia hanya boleh membawa maksimum 70 kg hasil pertaniannya pada setiap kali menyeberangi sungai dengan perahu. Jarak ke seberang sungai ialah 8 m. Hitung jumlah jarak yang dilalui oleh petani itu untuk membawa kesemua hasil pertaniannya menyeberangi sungai itu.